


# e-Books budayakan pembelajaran atas talian



Dr Mohd Ghani menunjukkan aplikasi e-Books Penerbit UMP.

Oleh Shalfarina Shahriman  
bhvarsiti@uh.com.my

► Kuantan

Kejayaan meraih Anugerah Perak pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa, baru-baru ini, membakar semangat Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk terus membangunkan penerbitan buku digital di kenali sebagai e-Books Penerbit UMP (e-Books).

Pengarah Penerbit UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang, berkata pihaknya optimis untuk memperkenalkan penggunaan e-Books ke arah menggalakkan budaya pembelajaran atas talian dalam kalangan pelajar.

"e-Books Penerbit UMP menghimpunkan lebih 100 judul koleksi hasil penulisan pensyarah universiti ini seperti buku umum, modul, jurnal, prosiding dan syarahan umum.

**Ciri helaihan selak**  
"Melalui aplikasi ini, hasil tulisan dan idea pensyarah dapat diketengahkan ke arena global, sekali gus menjadi medium untuk menaikkan nama UMP pada peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Mohd Ghani berkata, aplikasi e-Books dilengkapi ciri helaihan selak yang



Dr Mohd Ghani meneliti koleksi bahan bacaan dalam e-Books.

dan membacanya ketika tiada akses Internet.

## FAKTA NOMBOR

### 100 judul

dalam koleksi e-Books seperti buku umum, modul, jurnal, prosiding dan syarahan umum

membolehkan pelajar berasa seperti membaca buku secara konvensional walaupun atas talian.

Beliau berkata, pembangunan e-Books sejak dua tahun lalu meliputi dua fasa di mana pada peringkat awal, ia hanya boleh dilayari oleh pelajar UMP.

"Bagaimanapun selepas e-Books dikomersialkan secara lebih meluas, pengguna boleh melayari aplikasi ini serta memuat turun kandungan

Tingkat pendapatan universiti  
"Aplikasi ini bukan sahaja membudayakan pembelajaran atas talian, malah turut meningkatkan pendapatan universiti hasil dari akses yang dikenakan terhadap pengguna," katanya.

Dr Mohd Ghani berkata, inisiatif berkenaan selari sararan kerajaan yang menggalakkan pelaksanaan aktiviti menjana pendapatan di bawah agenda Kelestarian Kewangan.

"Kita turut berbesar hati apabila e-Books dilanggani beberapa syarikat penerbitan ilmiah lain, iaitu Universe Digital Library (UDL) dan e-Sentral, untuk mengkomersialkan produk ini kepada pengguna luar," katanya.